

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR MOHAMAD PENERIMA IJAZAH
KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN AUTOMOTIF SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KHAS UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI KHAMIS, 17 MEI 2012 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, Patik merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku mengurniakan kepada patik Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif dalam majlis yang bersejarah ini.
2. Bagi patik, kurniaan ini amatlah bermakna, khususnya dalam konteks pembangunan industri automotif di Negara ini. Sesungguhnya, Negara ini telah menempuh satu perjalanan yang penuh liku dan cabaran bagi mengadakan industri automotif nasional.
3. Industri outomotif memang diketahui sebagai industri yang diusahakan secara besar-besaran dan bergantung kepada teknologi yang canggih. Sebab itu apabila disyorkan supaya Malaysia mengadakan industri kereta nasional sebagai satu daripada industri berat yang dirancang ramai yang khuatir projek ini tidak berdaya maju. Tentangan juga didapati dari anggota kabinet.
4. Pada awal tahun lapan puluhan pasaran kereta dalam negara hanyalah sebanyak 50,000 setahun. Ini tidak cukup besar sebagai pasaran kereta. Tetapi pelaburan pada masa itu tidaklah terlalu besar dan mampu dibiayai oleh Kerajaan. Pihak swasta tidak berani memasuki industri ini.
5. Sesungguhnya industri automobil amatlah rumit untuk diuruskan. Kita tidak punyai rakyat Malaysia yang berpengalaman. Lagipun kita tidak punyai teknologi. Oleh sebab itu rundingan dibuat dengan pihak Jepun, khususnya Mitsubishi Motors dan Mitsubishi Corporation untuk membantu dan mengambil bahagian dalam projek ini.
6. Kita percaya industri automotif boleh jadi pemangkin kepada kebolehan negara dalam bidang kejuruteraan dan industri-industri kecil yang berasas kepada kejuruteraan. Untuk ini Kerajaan sanggup menanggung kerugian.
7. Pada tahun 1985, 2 ½ tahun selepas projek dimulakan kereta nasional Malaysia yang pertama mula dipasarkan. Masa ini amat pendek tetapi ini disebabkan hanya 18% sahaja dari Proton Saga mengandungi bahan atau bahagian buatan dalam negeri. Yang selebihnya diperolehi dari Jepun.
8. Kita tidak kecewa dengan prestasi yang rendah ini. Kita amat sedar yang masa yang panjang diperlukan untuk mengeluarkan komponen-komponen yang lain.
9. Hari ini sebenarnya kita mampu mengeluarkan hampir seratus peratus dari keperluan kereta bermotor. Seiring dengan itu industri-industri sampingan yang berasas kepada kejuruteraan dapat didiri dan dimiliki oleh orang tempatan.

Maka tercapailah hasrat kita supaya Malaysia memiliki keupayaan dalam bidang industri kejuruteraan.

10. Seperti di negara-negara lain termasuk Jepun dan Korea, Kerajaan memberi perlindungan cukai kepada kereta nasional. Walaupun perlindungan ini tidak begitu tinggi namun Proton berjaya menguasai 82% dari pasaran dalam negeri yang meningkat dengan cepatnya. Sebenarnya Proton mendapat keuntungan yang besar, dapat membayar balik hutang dari Kerajaan disamping menyumbang dengan banyaknya kepada kutipan cukai negara.

11. Perkembangan industri ini juga mempengaruhi minat rakyat untuk menguasai teknologi dan kejuruteraan automotif. Hari ini terdapat ramai jurutera Malaysia yang dapat menampung bukan sahaja keperluan Proton tetapi juga syarikat-syarikat automotif yang lain yang didirikan di Malaysia. Mereka ini mampu mencipta rekabentuk dan segala keperluan untuk mengeluarkan kereta bermotor. Mereka juga dapat menguasai kecanggihan sistem pembuatan kereta secara besar-besaran (mass production).

12. Pencapaian industri automotif Malaysia boleh dibanggakan. Kita harus ingat di masa kita mengadakan industri ini, ramailah syarikat-syarikat automotif yang terpaksa gulung tikar.

13. Kita akui bahawa keuntungan Proton kadang-kadang merosot. Ini disebabkan kita membuka pasaran kita kepada syarikat-syarikat automotif Asian yang jauh lebih besar dari kita. Mereka menikmati "economies of scale" yang menyebabkan kereta mereka murah walaupun dikenakan cukai. Modal mereka juga cukup besar dan mereka juga mengambil perlindungan secara tidak langsung untuk menentukan pasaran dalam negara mereka dikuasai oleh kereta buatan mereka.

14. Kos merekabentuk dan mengeluarkan kereta model baru telah meningkat dengan mendadak. Sebaliknya syarikat kereta perlu memasarkan lebih dari satu model. Kita perlu sekurang-kurangnya lima model kerana Proton tidak begitu besar, keuntungan tidak mencukupi untuk melabur bagi mengadakan banyak model.

15. Walau apa pun masalah pada hakikatnya kereta nasional Proton telah berjaya menyumbang kepada matlamat Malaysia untuk menjadi negara industri. Peluang pekerjaan bertambah dengan banyaknya bukan sahaja dalam perusahaan pengeluaran kereta tetapi juga peningkatan kecekapan rakyat Malaysia dalam bidang kejuruteraan.

16. Melihat keperluan yang meningkat untuk jurutera automotif banyaklah institusi pelajaran tinggi yang memperkenalkan kursus dan ijazah yang diperlukan.

17. Saya amat gembira kerana diantara institusi yang mengadakan kursus dalam bidang kejuruteraan automotif ialah Universiti Malaysia Pahang.

18. Dalam hubungan ini, patik ingin menzahirkan perasaan sukacita kerana Universiti Malaysia Pahang turut berperanan aktif membangunkan kejuruteraan automotif sebagai antara bidang kebitaraan (niche) Universiti ini.

19. Maka pada hemat patik, kerjasama yang telah dijalinan antara UMP dengan rakan strategiknya dari Negara Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences dalam penawaran ijazah berkembar dalam bidang kejuruteraan automotif mampu mencorakkan industri automotif nasional dengan signifikan dengan penglibatan lebih ramai lagi tenaga pakar tempatan yang berkualiti tinggi.

20. Patik menaruh keyakinan yang tinggi bahawa imaginasi kejayaan yang disusuli dengan kesungguhan usaha amat instrumental dalam merealisasikan sesuatu impian. Inilah yang telah dibuktikan melalui pembangunan industri automotif nasional sejak tahun 1983. Kita bermula dengan Proton Saga, dan hari ini jenama automotif Malaysia telah dibarisi oleh pelbagai model dan rekabentuk, hasil keberanian kita mengambil risiko dan mencuba satu ketika dahulu.

21. Demikianlah mesej yang ingin patik zahirkan melalui persembahan ucapan ini, khusus untuk renungan generasi baharu Malaysia. Misi nasional untuk merealisasikan Wawasan 2020 masih berbaki lapan tahun. Kebijaksanaan mengatur langkah dan strategi serta keupayaan untuk menduga kemungkinan dan risiko kearah pencapaian misi tersebut menuntut disiplin minda warga Malaysia yang berjiwa besar.

22. Sebelum patik mengakhiri persembahan ucapan ini, patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk patik melafazkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada para tetamu yang hadir dalam majlis ini. Kepada warga Universiti Malaysia Pahang, tahniah diucapkan atas sambutan ulang tahun kesepuluh Universiti ini.
